

Jumaat, 8 Mei 2020 | 2:29pm



Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan mengadakan sidang media mengenai bekalan keperluan asas menjelang perayaan, hari ini. -Foto NSTP / Ihsan UKAS

Barangan keperluan asas di Sarawak cukup untuk dua perayaan

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@nstp.com.my

KUCHING: Sarawak dijamin tidak menghadapi masalah bekalan barangan keperluan asas sepanjang Ramadan dan menjelang perayaan Aidilfitri serta Hari Gawai.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan kadar pusingan stok barangan keperluan boleh bertahan selama tiga bulan.

Awang Tengah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kecil Rantaian Bekalan Makanan Sarawak, berkata bekalan keperluan asas di pusat jualan di pedalaman negeri ini juga tidak terjejas kerana kuota pada bulan Mei dan Jun akan ditambah.

"KPDNHEP Sarawak memantau rapi beberapa jenis barangan dan stok makanan asas iaitu telur ayam, ayam daging, minyak masak, tepung gandum, gula, beras dan gas memasak LPG.

"Hasil pemantauan dan pemeriksaan mendapati, kesemua stok bagi tujuh jenis barangan ini adalah mencukupi dengan purata pengeluaran harian yang stabil," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Program Bantuan Makanan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sini, hari ini.

Awang Tengah berkata, berdasarkan pemantauan KPDNHEP Sarawak, purata pengeluaran sehari bagi telur ayam ialah 1.85 juta biji sehari, ayam daging (91,000 ekor), minyak masak (158 tan metrik), tepung gandum (350 tan metrik), gula (2,800 tan metrik), beras (32,352 tan metrik) dan gas memasak LPG (520.8 tan metrik atau 37,200 tong).

Selain itu katanya, bagi tempoh 1 Januari hingga 4 Mei 2020, KPDNHEP Sarawak melaksanakan pemeriksaan terhadap 17,200 premis perniagaan di seluruh negeri.

Hasil pemeriksaan itu, sebanyak 408 kes direkodkan dengan nilai rampasan RM2.4 juta dan jumlah kompaun RM105,650.

"Sepanjang tempoh PKP dari 18 Mac hingga 4 Mei 2020 pula, KPDNHEP Sarawak merekodkan 35 kes dengan nilai rampasan RM34,936.85 dan nilai kompaun RM15,350.

"KPDNHEP tidak akan berkompromi dengan mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan dalam tempoh pelaksanaan PKP ini dan akan menyiasat semula aduan pengguna yang diterima," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/686580/barangan-keperluan-asas-di-sarawak-cukup-untuk-dua-perayaan>

